# LEMBARAN INTEGRITI

EDISI 3/2022

## JABATAN PERTANIAN KE ARAH PENSIJILAN MS ISO 37001:2016

## SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR) / ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS (ABMS)

OKTOBER 2022



### 1. DASAR ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN

Jabatan Pertanian beriltizam untuk menerapkan amalan tadbir urus yang efektif, berintegriti tinggi dan bebas rasuah melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) selaras dengan pelaksanaan ISO 37001 dalam mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasikan eksport.



DASAR ANTIRASUAH
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

### 2. POLISI ANTIRASUAH JABATAN PERTANIAN



POLISI ANTIRASUAH
JABATAN PERTANIAN

Jabatan Pertanian tidak akan bertoleransi terhadap sebarang perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan yang berlaku di kalangan warga Jabatan Pertanian.

Polisi ini dibangunkan sebagai sumber rujukan mengenai perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah untuk memastikan :

i. Penerapan budaya antirasuah;
ii. Pengamalan nilai integriti yang tinggi; dan
iii. Tadbir urus (*governance*) yang baik dalam pelaporan dan membuat keputusan.

**Polisi ini terpakai kepada semua warga Jabatan Pertanian**. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu/organisasi yang berurusan dengan warga/fasiliti Jabatan Pertanian.

### 3. MANUAL SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR) JABATAN PERTANIAN



MANUAL
SISTEM PENGURUSAN
ANTIRASUAH (SPAR)
ISO 37001

| | |
|---|---|
| NO. DOKUMEN | DOA.MSPAR01 |
| NO. KELUARAN | 01 |
| TARIKH KUATKUASA | 1 MAC 2022 |

Manual SPAR ini disediakan untuk memenuhi matlamat dan objektif pewujudan Sistem Pengurusan Antirasuah Jabatan Pertanian serta selaras dengan kehendak dan keperluan MS ISO 37001:2016.

Tujuan Manual SPAR ini adalah untuk :

a) Menerangkan maklumat asas mengenai organisasi;
b) Menerangkan Pelaksanaan Pelepasan Proses/Aktiviti Perkhidmatan Jabatan Pertanian selaras dengan kehendak dan keperluan MS 37001:2016;
c) Menggariskan dasar dan prinsip asas bagi setiap aktiviti; dan
d) Memberi rujukan kepada dokumen-dokumen yang berkaitan dalam pelaksanaan SPAR.

### 4. DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN SPAR



KAWALAN MAKLUMAT DIDOKUMENTASI ISO 37001

PROSEDUR PENGURUSAN RISIKO SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR) ISO 37001

PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR) ISO 37001

AUDIT DALAM SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR) ISO 37001

TINDAKAN PEMBETULAN DAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR) ISO 37001

MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR) ISO 37001

### 5. KOMITMEN WARGA JABATAN PERTANIAN TERHADAP PELAKSANAAN SPAR

Bersama menjayakan SPAR dengan :

i. Cakna tentang akta, garis panduan, polisi, peraturan, Tatacara Operasi Piawai (TOP) yang dibangunkan oleh Jabatan;
ii. Mengambil tahu dan melaksanakan kawalan-kawalan ke atas risiko rasuah; dan
iii. Mengikuti program pengukuhan integriti dan etika kerja yang dilaksanakan oleh Unit Integriti dan Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Pertanian.